BAHAGIAN PERUNDANGAN DAN TATATERTIB
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PROSEDUR TUNTUTAN GANTI RUGI TERHADAP PELANGGAR KONTRAK BIASISWA DAN LATIHAN UMS (PINDAAN) 2014

PROSEDUR PENGURUSAN TUNTUTAN GANTIRUGI TERHADAP PELANGGAR KONTRAK BIASISWA DAN LATIHAN UMS (PINDAAN) 2014

1.0 MATLAMAT PROSEDUR

Matlamat Prosedur ini adalah seperti berikut :-

(a) Mendapat kelulusan kepada cadangan implementasi daripada Pihak Berkuasa Pengurusan Universiti (PBPU) terhadap Garis Panduan untuk tujuan penetapan kuasa kepada BPT dalam membuat tuntutan dan mengambil tindakan terhadap pelanggar kontrak Biasiswa dan Latihan yang berkenaan;

(b) Menyeragamkan bentuk tuntutan dan tindakan terhadap pelanggar kontrak Biasiswa dan Latihan yang berkenaan;

(c) Agar Pihak Berkuasa Pengurusan Universiti tidak memikul beban tambahan dengan membawa suatu rayuan oleh pelanggar kontrak Biasiswa dan Latihan berhubung dengan rayuan pembayaran balik secara ansuran bulanan di mana Garis Panduan ini antara lainnya menetapkan agar pembayaran balik melalui ansuran bulanan oleh kakitangan sedia ada tidak boleh dirayu.

(d) Rayuan hanya akan dibawa ke Pihak Berkuasa Pengurusan Universiti (PBPU) dalam kes khas sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Bahagian Perundangan dan Tatatertib.

2.0 PROSEDUR PENGURUSAN TUNTUTAN DI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (UMS)

(a) Seksyen Pengajian Lanjutan, Jabatan Pendaftar ('SPL') akan memberikan fail kakitangan kepada BPT sebaik sahaja kakitangan yang diberikan cuti belajar dan biasiswa:

(i) Tamat tempoh cuti belajar, gagal pengajian dan balik melapor diri.

(ii) Tamat tempoh cuti belajar, gagal pengajian dan tidak balik melapor diri.

(iii) Tamat tempoh cuti belajar, lulus pengajian dan tidak balik melapor diri.

(iv) Tamat tempoh cuti belajar, lulus pengajian, melapor diri tetapi berhenti bekerja sebelum tamat tempoh ikatan bon.

(b) BPT meminta Bendahari dan/atau Kementerian Pengajjian Tinggi Malaysia untuk memberikan Penyata Akaun terperinci kepada BPT yang menunjukkan jumlah perbelanjaan yang merangkumi Elaun Sara Hidup, keseluruhan perbelanjaan (tiket kapal terbang, elaun pakaian panas dan sebagainya) dan gaji yang telah dibayar kepada Penerima Biasiswa bermula dari tarikh cuti belajar hingga tarikh tamat cuti belajar/tarikh lapor diri, yang mana lebih lambat;

(c) BPT mengeluarkan tuntutan gantirugi secara pentadbiran kepada pelanggar biasiswa dan penjamin-penjamin mengikut lampiran 11 atau lampiran 12 mengikut yang berkenaan kepada kakitangan yang tidak melapor diri bertugas setelah tamat tempoh cuti belajar, tututan gantirugi ke atas gaji, elaun-elaun atau sebaliknya dan semua wang yang telah dibelanjakan atau tanggungannya telah diterima oleh Universiti secara yuran, tambang dan lain-lain bersangkutan.

(d) Gantirugi Nominal hendaklah terpakai kepada kakitangan yang gagal pengajian tetapi melapor diri bertugas

(e) BPT boleh berdasarkan kepada keperluan dan keadaan khas membenarkan pengurangan jumlah ansuran bulanan dan/atau 'upfont payment'.

(f) Tuntutan ganti rugi atas dasar pro-rata jika kakitangan UMS meletak jawatan melebihi separuh daripada tempoh bon Perjanjian Biasiswa dan Latihan yang berkenaan.

(g) Tuntutan ganti rugi penuh sekiranya kakitangan UMS meletak jawatan kurang separuh daripada tempoh bon Perjanjian Biasiswa dan Latihan yang berkenaan.

(h) Mengenakan pembayaran pendahuluan sebanyak 10% daripada jumlah tuntutan keseluruhan (*a mandatory upfront payment of 10%*).

(i) Memberi pilihan kepada kakitangan untuk pembayaran balik tuntutan ganti rugi melalui ansuran bulanan di mana tempoh dan jumlah ansuran bulanan adalah muktamad dan tidak boleh dirayu.

(j) Menetapkan tempoh minimum untuk pembayaran balik ganti rugi secara ansuran bulanan selama 4 tahun dan tempoh maksimum ansuran selama 12 tahun (**Lampiran 6)**.

(k) BPT memantau status tuntutan gantirugi yang dibuat:

(i) jika tiada maklumbalas diberikan setelah 3 kali peringatan tuntutan, kes akan diserahkan kepada Penal Peguam UMS untuk tindakan mahkamah.

(ii) Jika pembayaran gantrugi dibuat tetapi tidak mengikut masa yang ditetapkan, peringatan dikeluarkan. Jika berlaku keingkaran selama 3 bulan berturut-turut, kes akan diserahkan kepada Panel Peguam UMS untuk tindakan mahkamah.

(l) Melaporkan status tuntutan kepada Naib Canselor, Pendaftar dan Bendahari.

3.0 GANTIRUGI NOMINAL TERHADAP KAKITANGAN YANG GAGAL PENGAJIAN TETAPI MELAPOR DIRI BERTUGAS

(a) Kakitangan yang gagal pengajian tetapi melapor diri bertugas hendaklah menghabiskan pengajian di universiti tempatan secara separuh masa sehingga berjaya mendapatkan ijazah sarjanah Ph.D dalam tempoh dua (2) tahun tanpa sebarang penajaan ('pengajian kedua tersebut')

(b) Gantirugi Nominal untuk jumlah sebanyak RM500-00 sebulan akan dibuat melalui pemotongan gaji bulanan kakitangan yang gagal pengajian bermula dari bulan kakitangan tersebut melapor diri sehingga kakitangan tersebut tamat dan lulus pengajian kedua tersebut dan mengemukakan ijazah sarjanah ph.D kepada pihak Universiti

(c) Kakitangan hendaklah menandatangani suatu Perjanjian Tambahan dengan UMS untuk membolehkan pembayaran balik jumlah terhutang melalui Nominal Damages yang berkenaan di mana kegagalan yang sama akan menyebabkan UMS berhak untuk menuntut gantirugi ke atas elaun-elaun dan semua wang yang telah dibelanjakan atau tanggungannya telah diterima oleh UMS secara yuran, tambang dan lain-lain bersangkutan dengan pengajian tersebut dan/atau tuntutan lain sebagaimana yang dibenarkan oleh Perjanjian Biasiswa dan Latihan yang berkenaan

(d) Setelah tamat dan lulus pengajian kedua tersebut, Kakitangan hendaklah menandatangani suatu Perjanjian Ikatan Perkhidmatan selama (8) tahun dengan UMS

(e) Jika kakitangan tersebut turut gagal pengajian kedua tersebut, kakitangan hanya membayar 50% daripada baki jumlah terhutang dengan syarat kakitangan hendaklah kekal berkhidmat dengan UMS sehingga pencen. Pembayaran balik 50% daripada baki jumlah terhutang tersebut adalah sebagaimana yang ditetapkan oleh Prosedur 2.0 (h), (i) dan (j)

(f) Jika kakitangan pindah tempat perkhidmatan atau berhenti kerja, tuntutan gantirugi adalah sebagaimana yang ditetapkan oleh Prosedur 2.0(f) dan (g)

(g) Jika kakitangan disabitkan kesalahan tatatertib dan dihukum buang kerja maka tuntutan gantirugi hendaklah dibuat ke atas elaun-elaun dan semua wang yang telah dibelanjakan atau tanggungannya telah diterima oleh UMS secara yuran, tambang dan lain-lain bersangkutan dengan pengajian tersebut dan/atau tuntutan lain sebagaimana yang dibenarkan oleh Perjanjian Biasiswa dan Latihan yang berkenaan

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	PERIHAL
1	CONTOH PENYATA AKAUN BENDAHARI/KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA BERHUBUNG PEMBAYARAN ELAUN
2	CONTOH PENYATA AKAUN BENDAHARI BERHUBUNG PEMBAYARAN GAJI
3	CONTOH REKOD BAYARAN GANTIRUGI
4	FORMULA PENGIRAAN JUMLAH GANTIRUGI SECARA PRORATA
5	JADUAL PEMBAYARAN ANSURAN BULANAN

6	FORMULA PENGIRAAN JUMLAH ANSURAN BULANAN DAN TEMPOH ANSURAN BULANAN
7	GARIS PANDUAN TUNTUTAN GANTIRUGI MELANGGAR IKATAN PERJANJIAN CUTI BELAJAR UNTUK KAKITANGAN MASIH BERKHIDMAT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
8	GARIS PANDUAN URUSAN MENGAMBIL TINDAKAN MAHKAMAH UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
9	URUSAN PEMBAYARAN TUNTUTAN GANTI RUGI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
10	PEKELILING KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA BERTARIKH 6.1.2009

11	CONTOH SURAT TUNTUTAN KEPADA BEKAS KAKITANGAN
12	CONTOH SURAT TUNTUTAN KEPADA KAKITANGAN UNIVERSITI
13	BORANG PERSETUJUAN KAKITANGAN UNTUK PEMOTONGAN GAJI
14	SENARAI KAKITANGAN UMS CUTI BELAJAR YANG TIDAK MELAPOR DIRI TETAPI BELUM TAMAT PENGAJIAN

LAMPIRAN 1

(CONTOH PENYATA AKAUN BENDAHARI BERHUBUNG PEMBAYARAN ELAUN)

CONTOH PENYATA AKAUN BENDAHARI BERHUBUNG PEMBAYARAN ELAUN

Contoh Tuntutan :
1. Penyata Pembayaran Elaun Biasiswa : **RM408,864-29**
2. Penyata Pembayaran Gaji : **RM280,481-73**

Tuntutan Penuh RM689,346-02

==========

BIL	TEMPOH	BAYARAN ELAUN	X	KADAR	JUMLAH (RM)
1	Elaun Sara hidup Ogos 2001 Sept – Dis 2001	3.01.68	x	3.83	1,155-43
2	Elaun Bantuan Keluarga Julai 2004 – Dis 2004	200.00	X	3.825	4,590-00
3	Penyelarasan Elaun Bantuan Keluarga	17.33	X	3.825	66.29
4	Insurans Keluarga	14,733.36	X	1.00	14,733.36
5	Perubatan/Insurans Mac 2004	7,511.84	X	1.00	7,511.84
6	Elaun Buku Ogos 2001	690.00	X	3.83	2,642.70
7	Elaun Alat Perkakas Ogos 2001	120.00	X	3.83	459.60
8	Perlanjutan Elaun Sarahidup Ogos 2005	331.84	X	3.8	1,260.99
9	Elaun Pakaian Panas Julai 2001 – Apr 2007	1,500.00	X	1.0	1,500.00

10	Tambang Kapalterbang	N/A		N/A	3,906.00
11	Elaun Perpindahan	N/A		N/A	1,090.00
12	Elaun Penempatan Ogos 2001	1,003.00	X	3.83	3,841.49
13	Yuran Pengajian Dis 2001	3,951.00	X	3.83	15,132.33
14	Insurans kesihatan Oktober 2001	N/A		N/A	2,412.24
15	Penyelarasan Elaun Sara Hidup April 2004	57.89	X	3.825	221.43
JUMLAH PENUH PEMBAYARAN ELAUN RM 408,864.29					

LAMPIRAN 2

(CONTOH PENYATA AKAUN BENDAHARI BERHUBUNG PEMBAYARAN GAJI)

CONTOH PENYATA AKAUN BENDAHARI BERHUBUNG PEMBAYARAN GAJI

Contoh Tuntutan :
1. Penyata Pembayaran Elaun Biasiswa : **RM408,864-29**
2. Penyata Pembayaran Gaji : **RM280,481-73**

Tuntutan Penuh RM689,346-02

==========

BIL	TEMPOH	BAYARAN ELAUN	X	KADAR	JUMLAH (RM)
1	Oktober 2004	672.00	x	1	672.00
2	November 2004	488.00	X	1	488.00
3	Disember 2004	672.00	X	1	672.00
4	Januari 2005 – Sept 2005	504	X	9	30,178.64
JUMLAH PENUH PEMBAYARAN GAJI RM 280,481.73					

LAMPIRAN 3

(CONTOH REKOD BAYARAN GANTIRUGI)

CONTOH REKOD BAYARAN GANTIRUGI

BIL	TARIKH CEK	NO. CEK	JUMLAH PEMBAYARAN	STATUS CEK	BULAN BAYARAN	CATATAN
1	20.3.2010	BIMB 07654	RM500-00	JELAS	APR 10	
2	18.4.2010	CIMB 10007	RM500-00	TENDANG	MEI 10	SALAH EJA

LAMPIRAN 4

(FORMULA PENGIRAAN JUMLAH GANTIRUGI SECARA PRO RATA)

FORMULA PENGIRAAN JUMLAH GANTIRUGI SECARA PRO RATA

BIL	PERKARA	FORMULA PENGIRAAN	CONTOH PENGIRAAN	NOTA
1	Pro-rata	Baki ikatan kontrak didarab dengan jumlah keseluruhan tuntutan dan kemudiannya dibahagi dengan ikatan kontrak keseluruhan	23bulan x 110k 84 bulan Total : RM30,119.04	Kriteria-kriteria pengurangan jumlah tuntutan tuntutan secara pro-rata :- i. Perletakan jawatan disokong oleh Ketua Jabatan. ii. Telah berkhidmat melebihi separuh daripada tempoh ikatan kontrak (selepas melapor diri dari cuti belajar/cuti sebatikal) iii. Perletakan jawatan disebabkan oleh masalah kesihatan dan disahkan oleh doktor kerajaan. iv. Disokong oleh lain-lain alasan yang munasabah

LAMPIRAN 5

(JADUAL PEMBAYARAN ANSURAN BULANAN)

JADUAL PEMBAYARAN ANSURAN BULANAN

JUMLAH TUNTUTAN GANTIRUGI	TEMPOH BAYARAN BALIK
Kurang daripada RM50,000	4 tahun (48 bulan)
RM51,000 hingga RM101,000	7 tahun (84 bulan)
RM102,000 hingga RM151,000.00	10 tahun (120 bulan)
Lebih daripada RM151,000.00	12 tahun (144 bulan)

LAMPIRAN 6

(FORMULA PENGIRAAN JUMLAH ANSURAN BULANAN DAN TEMPOH ANSURAN BULANAN)

FORMULA PENGIRAAN JUMLAH ANSURAN BULANAN DAN TEMPOH ANSURAN BULANAN

Contoh:

Tuntutan sebenar : RM 180,000.00
Bayaran pendahuluan 10% : $180,000 \div \frac{10}{100}$
= RM 18,000.00
Maka jumlah baki tuntutan ditolak dengan 10%
180,000 – 18,000 = RM162,000.00

Formula baki tuntutan setelah ditolak dengan 10% dibahagi dengan jumlah bulan sepertimana dalam jadual :-

$$\frac{\text{RM162,000}}{\text{144 bulan (12 tahun)}} = \textbf{RM1,125.00}$$

Oleh kerana itu ansuran bulanan yang perlu dijelaskan adalah sebanyak RM1,125.00 sebulan selama 144 bulan (12 tahun).

LAMPIRAN 7

(GARIS PANDUAN TUNTUTAN GANTIRUGI MELANGGAR IKATAN PERJANJIAN CUTI BELAJAR UNTUK KAKITANGAN MASIH BERKHIDMAT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA)

GARIS PANDUAN TUNTUTAN GANTI RUGI MELANGGAR IKATAN PERJANJIAN CUTI BELAJAR UNTUK KAKITANGAN MASIH BERKHIDMAT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

1.0 Terima surat/laporan pegawai yang gagal/tidak tamat belajar daripada Unit Latihan Cuti Belajar.

2.0 Dapatkan fail (PER) pegawai berkenaan.

3.0 Semak fail (PER) dan laporan cuti belajar pegawai yang gagal seperti Surat Tawaran Cuti Belajar, Surat Perjanjian, minit mesyuarat cuti belajar dan juga maklumat-maklumat cuti belajar lain yang berkaitan.

4.0 Rekod maklumat tuntutan pegawai berkaitan ke dalam Buku Rekod Tuntutan dan Modul Perundangan (Pecah Kontrak).

5.0 Surat kepada Bendahari untuk mendapatkan Penyata Perbelanjaan sebenar semasa cuti belajar dan disalinkan kepada Pegawai.

6.0 Terima Penyata Perbelanjaan sebenar semasa cuti belajar daripada Jabatan Bendahari.

7.0 Rekod jumlah perbelanjaan semasa cuti belajar dalam Buku Rekod Tuntutan dan Modul Perundangan (Pecah Kontrak).

8.0 Surat Tuntutan kepada Pegawai dengan memaklumkan jumlah perbelanjaan semasa cuti belajar tidak termasuk gaji dan elaun-elaun tetap dan bayaran perlu dibuat secara potongan gaji melalui Borang Persetujuan Potongan Gaji Bulanan yang dilampirkan.

8.1 Sekiranya Pegawai bersetuju membayar, terima salinan Borang Pesetujuan Potongan Gaji.

8.2 Sekiranya Pegawai tidak setuju membayar; terima surat rayuan untuk :-

8.2.1 menangguhkan bayaran; atau

8.2.2 mengurangkan jumlah tuntutan; atau

8.2.3 dikecualikan daripada membayar tuntutan ganti rugi.

9.0 Draf Surat Kelulusan Naib Canselor untuk pertimbangan dan kelulusan.

LAMPIRAN 8

(GARIS PANDUAN UTUSAN MENGAMBIL TINDAKAN MAHKAMAH UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA)

GARIS PANDUAN URUSAN MENGAMBIL TINDAKAN MAHKAMAH UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

1.0 Pegawai gagal atau tidak memberi apa-apa maklum balas terhadap tuntutan ganti rugi setelah peringatan diberi.

2.0 Surat Arahan kepada Peguam untuk teruskan tindakan undang-undang terhadap Pegawai dengan melampirkan dokumen-dokumen berikut :-

2.1 salinan Surat Perletakan Jawatan

2.2 salinan Surat Tawaran Cuti Belajar/Cuti Sebatikal

2.3 salinan Surat Perjanjian Cuti Belajar/Cuti Sebatikal

2.4 Penyata Perbelanjaan sebenar

2.5 Penyata pembayaran terkini (jika ada)

3.0 Buat salinan surat dan hantar :-

3.1 salinan asal kepada Peguam

3.2 salinan kedua untuk simpanan fail

3.3 salinan ketiga untuk edaran

4.0 Terima dan failkan Notis Tuntutan daripada Peguam panel

5.0 Terima bil perkhidmatan guaman

6.0 Sekiranya Pegawai masih gagal membuat bayaran ganti rugi, sediakan Surat Arahan kepada Peguam panel untuk teruskan tindakan undang-undang

7.0 Terima dan semak kandungan salinan Deraf Saman dan Penyata Tuntutan :-

7.1 ada pembetulan :

7.1.1 sediakan surat makluman pembetulan kepada Peguam panel

7.2 tiada pembetulan :

7.2.1 sediakan surat arahan kepada peguam supaya memfailkan Saman di Mahkamah

8.0 Pemantauan dibuat dengan memberi surat peringatan untuk memastikan perlaksanaan saman diambil oleh Peguam

LAMPIRAN 9

(URUSAN PEMBAYARAN TUNTUTAN GANTIRUGI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA)

URUSAN PEMBAYARAN TUNTUTAN GANTI RUGI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

1.0 Terima cek/wang pos/bank draf daripada Pegawai

2.0 Rekod jumlah cek/kiriman wang pos/bank draf ke dalam Buku Rekod Tuntutan

3.0 Surat iringan kepada Jabatan Bendahari dengan melampirkan cek/wang pos/bank draf

4.0 Buat salinan surat iringan dan cek/kiriman wang pos/bank draf dan hantar :

4.1 salinan asal surat dan cek asal kepada Jabatan Bendahari dengan memenuhi Borang Penerimaan Cek

4.2 salinan kedua untuk pegawai

4.3 salinan ketiga untuk simpanan fail

4.4 salinan keempat untuk edaran

5.0 Dapatkan tandatangan kakitangan di Jabatan Bendahari pada Borang penerimaan cek untuk tujuan pengesahan penerimaan cek/wang pos/bank draf

6.0 Failkan :-

6.1 salinan surat beserta salinan cek/wang pos/bank draf ke dalam fail (PER)

6.2 Borang pengesahan penerimaan cek/wang pos/bank draf ke dalam Fail Borang Penerimaan Cek.

7.0 Kembalikan fail (PER) ke Unit Rekod (UR) atau kabinet khas di Unit Hal Ehwal Perundangan

LAMPIRAN 10

(PEKELILING KEMENTERIAN PENGAJIAN MALAYSIA BERTARIKH

6.1.2009)

LAMPIRAN 11

(CONTOH SURAT TUNTUTAN KEPADA BEKAS KAKITANGAN)

CONTOH SURAT TUNTUTAN KEPADA BEKAS KAKITANGAN

Rujukan Kami :
Tarikh :

PUAN ABC
19, Jalan Melor 25
Taman Melor
68000 Ampang
Selangor Darul Ehsan POS BERDAFTAR

Dan/atau

PUAN ABC
No. 23, Jalan Raja Udang 9
Taman Kingfisher
88450 Kota Kinabalu
Sabah POS BERDAFTAR

Dan/atau

PUAN ABC
No. 28, Austral-8
Austral Park,
88200 Kota Kinabalu POS BERDAFTAR
Sabah

Puan,

NOTIS TUNTUTAN
PERJANJIAN HADIAH/BIASISWA LATIHAN KAKITANGAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH DAN SURAT TAWARAN
PENERIMA
BIASISWA : ABC

Kami dengan hormat merujuk kepada perkara di atas.

Pihak Universiti Malaysia Malaysia Sabah (selepas daripada ini dirujuk sebagai 'UMS') telah bersetuju untuk menawarkan suatu biasiswa kakitangan kepada pihak Puan melalui suatu Perjanjian Hadiah/Biasiswa Latihan Kakitangan Universiti Malaysia Sabah (selepas daripada ini dirujuk sebagai 'Perjanjian tersebut') dan dibaca bersama dengan Surat Tawaran Hadiah/Biasiswa (selepas daripada ini dirujuk sebagai 'Tawaran tersebut'), di mana Perjanjian tersebut telah ditandatangani diantara pihak Puan dengan

UMS untuk membiayai pengajian Ijazah Doktor Falsafah (PhD) pihak Puan di University of Oxford, United Kingdom (selepas daripada ini dirujuk sebagai 'Pengajian tersebut').

Melalui Tawaran tersebut dan Perjanjian tersebut, UMS telah bersetuju untuk membiayai perbelanjaan latihan/pengajian dan membayar Puan dalam tempoh latihan/pengajian tersebut serta berbagai elaun tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di dalam Tawaran tersebut dan Perjanjian tersebut.

Adalah dengan ini dimaklumkan bahawa pihak Puan telah gagal untuk menamatkan Pengajian tersebut dan untuk itu pihak Puan telah mungkir dan melanggar *inter alia* fasal 1 (a) dan (h) Perjanjian Perjanjian tersebut yang memperuntukkan seperti berikut:

1. Pelajar dengan ini berjanji, bersetuju dan mengakui bahawa dalam masa tempoh kursus latihan/pengajian pelajar akan:

   (a) memasuki, mengikuti dengan bersungguh-sungguh, meneruskan dan menyempurnakan kursus latihan/pengajian yang dikehendaki oleh Universiti dan yang butir-butirnya ada dinyatakan dalam Surat Tawaran Hadiah Latihan/Biasiswa yang dilampirkan bersama ini dan bahawa ia akan menyempurnakan kursus latihan/pengajian yang tersebut itu dalam tempoh masa yang ditetapkan dan yang dinyatakan dalam Hadiah latihan atau dalam sesuatu masa yang lebih lama sebagaimana yang diluluskan oleh Universiti mengikut budibicara mutlak Universiti. Dengan syarat jika di atas permintaan Pelajar, Universiti boleh menambah tempoh kursus Latihan/Pengajian, tempoh perlanjutan yang melebihi enam (6) bulan adalah diambil kira sebagai satu (1) tahun dalam pertambahan tempoh ikatan perjanjian dan tambahan jumlah ganti rugi di bawah peruntukan perjanjian ini ialah sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ratus Enam Puluh Ribu Sahaja (RM160,000.00);

   (h) hendaklah menunjukan dan mencapai kejayaan yang memuaskan di dalam pengajiannya.

Justeru itu, adalah dengan ini dimaklumkan bahawa pihak Universiti berhak untuk menuntut gantirugi daripada tuan sebagaimana yang terkandung di bawah Fasal 8(ii) dan (iv) Perjanjian tersebut dan/atau juga ganti rugi tambahan sebagaimana yang dinyatakan di dalam Fasal 1(a) di atas. Fasal 8(ii) dan (iv) memperuntukkan seperti berikut :

8. Adalah diisytiharkan dan dipersetujui lagi bahawa jikalau perjanjian ini ditamatkan oleh pihak Universiti mengikut Fasal 5 atau 6 atau jika pelajar:

   (ii) melakukan pelanggaran terhadap mana-mana fasal dalam perjanjian ini; atau

   (iv) ……..... Universiti boleh menurut budibicara mutlaknya menamatkan perjanjian ini dan dengan itu pelajar dan penjamin-penjamin hendaklah bersama-sama dan masing-

masing bertanggungjawab bagi pihak diri mereka, waris-waris, wasi-wasi, penerima-penerima serahak mereka, membayar kepada Universiti apabila diminta dalam tempoh enam puluh hari (60) hari wang sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ratus Enam Puluh Ribu Sahaja (RM 160,000.00) atau semua wang yang telah dibayar kepada pelajar atau pihaknya secara gaji, elaun-elaun atau sebaliknya dan semua wang yang telah dibelanjakan atau tanggungannya telah diterima oleh Universiti secara yuran, tambang dan lain-lain bersangkutan dengan atau disebabkan oleh perjanjian ini mengikut yang mana lebih banyak.

Pihak Puan telah memohon tempoh perlanjutan untuk Pengajian tersebut dan untuk itu UMS dengan ini menuntut daripada pihak Puan untuk membayar ganti rugi sebanyak **RM xy (RINGGIT MALAYSIA :XY SAHAJA)** yang merupakan semua wang yang telah dibayar kepada Puan atau pihak Puan secara gaji, elaun-elaun atau sebaliknya dan semua wang yang telah dibelanjakan atau tanggungannya telah diterima oleh Universiti secara yuran, tambang dan lain-lain bersangkutan dengan atau disebabkan oleh perjanjian tersebut sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Fasal 8(iv) Perjanjian tersebut.

Puan juga telah tidak hadir untuk bertugas tanpa cuti dan gagal melapor diri semenjak cuti belajar (lanjutan) yang berkenaan tamat pada 19.8.2005.

SILA AMBIL PERHATIAN bahawa pihak UMS dengan ini menuntut daripada Puan sebagai Penerima Biasiswa untuk membayar gantirugi sebanyak **RMxy (Ringgit Malaysia : xy) sahaja** kepada UMS **dalam masa enam puluh (60) hari** dari tarikh Notis Tuntutan. Bayaran hendaklah dibuat samada melalui cek/wang pos/bank deraf atas nama ”**BENDAHARI UMS**” dan dialamatkan seperti di bawah :-

TIMBALAN PENDAFTAR
BAHAGIAN PERUNDANGAN DAN TATATERTIB
Bangunan Canselori, Blok Selatan
Universiti Malaysia Sabah
88999 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia

AMBIL PERHATIAN bahawa UMS tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap Puan sekiranya pihak Puan gagal, ingkar dan/atau cuai untuk membayar jumlah yang dituntut dalam tempoh masa yang dinyatakan di atas tanpa rujukan selanjutnya lagi kepada pihak Puan. UMS juga menuntut agar Puan serta-merta melapor diri untuk bertugas atas kegagalan yang sama Puan akan dianggap telah menamatkan perkhidmatan dengan UMS dan oleh yang demikian UMS akan menuntut gantirugi atas penamatan perkhidmatan secara salah dan tanpa notis yang berkenaan di Mahkamah di mana Puan akan dijadikan bertanggungan untuk membayar kos guaman, faedah dan perbelanjaan yang akan ditanggung oleh UMS dalam mengambil tindakan perundangan tersebut kelak.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

t.t.

YENNEY FADZLYENA BINTI AHMAD SHAH
Penolong Pendaftar
Bagi Pihak Pendaftar

s.k. (1) Naib Canselor UMS
(2) Pendaftar, UMS

LAMPIRAN 12

(CONTOH SURAT TUNTUTAN KEPADA KAKITANGAN UNIVERSITI)

CONTOH SURAT TUNTUTAN KEPADA KAKITANGAN UNIVERSITI

Rujukan Kami :
Tarikh :

PUAN BCD
19, Jalan Melor 25
Taman Melor
68000 Ampang
Selangor Darul Ehsan POS BERDAFTAR

Dan/atau

PUAN BCD
No. 23, Jalan Raja Udang 9
Taman Kingfisher
88450 Kota Kinabalu
Sabah POS BERDAFTAR

Dan/atau

PUAN BCD
No. 28, Austral-8
Austral Park,
88200 Kota Kinabalu POS BERDAFTAR
Sabah

Puan,

NOTIS TUNTUTAN
PERJANJIAN HADIAH/BIASISWA LATIHAN KAKITANGAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH DAN SURAT TAWARAN
PENERIMA
BIASISWA : BCD

Kami dengan hormat merujuk kepada perkara di atas.

Pihak Universiti Malaysia Malaysia Sabah (selepas daripada ini dirujuk sebagai 'UMS') telah bersetuju untuk menawarkan suatu biasiswa kakitangan kepada pihak Puan melalui suatu Perjanjian Hadiah/Biasiswa Latihan Kakitangan Universiti Malaysia Sabah (selepas daripada ini dirujuk sebagai 'Perjanjian tersebut') dan dibaca bersama dengan

Surat Tawaran Hadiah/Biasiswa (selepas daripada ini dirujuk sebagai 'Tawaran tersebut'), di mana Perjanjian tersebut telah ditandatangani diantara pihak Puan dengan UMS untuk membiayai pengajian Ijazah Doktor Falsafah (PhD) pihak Puan di University of Oxford, United Kingdom (selepas daripada ini dirujuk sebagai 'Pengajian tersebut').

Melalui Tawaran tersebut dan Perjanjian tersebut, UMS telah bersetuju untuk membiayai perbelanjaan latihan/pengajian dan membayar Puan dalam tempoh latihan/pengajian tersebut serta berbagai elaun tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di dalam Tawaran tersebut dan Perjanjian tersebut.

Adalah dengan ini dimaklumkan bahawa pihak Puan telah gagal untuk menamatkan Pengajian tersebut dan untuk itu pihak Puan telah mungkir dan melanggar *inter alia* fasal 1 (a) dan (h) Perjanjian Perjanjian tersebut yang memperuntukkan seperti berikut:

2. Pelajar dengan ini berjanji, bersetuju dan mengakui bahawa dalam masa tempoh kursus latihan/pengajian pelajar akan:

   (b) memasuki, mengikuti dengan bersungguh-sungguh, meneruskan dan menyempurnakan kursus latihan/pengajian yang dikehendaki oleh Universiti dan yang butir-butirnya ada dinyatakan dalam Surat Tawaran Hadiah Latihan/Biasiswa yang dilampirkan bersama ini dan bahawa ia akan menyempurnakan kursus latihan/pengajian yang tersebut itu dalam tempoh masa yang ditetapkan dan yang dinyatakan dalam Hadiah latihan atau dalam sesuatu masa yang lebih lama sebagaimana yang diluluskan oleh Universiti mengikut budibicara mutlak Universiti. Dengan syarat jika di atas permintaan Pelajar, Universiti boleh menambah tempoh kursus Latihan/Pengajian, tempoh perlanjutan yang melebihi enam (6) bulan adalah diambil kira sebagai satu (1) tahun dalam pertambahan tempoh ikatan perjanjian dan tambahan jumlah ganti rugi di bawah peruntukan perjanjian ini ialah sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ratus Enam Puluh Ribu Sahaja (RM160,000.00);

   (h) hendaklah menunjukan dan mencapai kejayaan yang memuaskan di dalam pengajiannya.

Justeru itu, adalah dengan ini dimaklumkan bahawa pihak Universiti berhak untuk menuntut gantirugi daripada Puan sebagaimana yang terkandung di bawah Fasal 8(ii) dan (iv) Perjanjian tersebut dan/atau juga ganti rugi tambahan sebagaimana yang dinyatakan di dalam Fasal 1(a) di atas. Fasal 8(ii) dan (iv) memperuntukkan seperti berikut :

9. Adalah diisytiharkan dan dipersetujui lagi bahawa jikalau perjanjian ini ditamatkan oleh pihak Universiti mengikut Fasal 5 atau 6 atau jika pelajar:

   (ii) melakukan pelanggaran terhadap mana-mana fasal dalam perjanjian ini; atau

(iv) ……..... Universiti boleh menurut budibicara mutlaknya menamatkan perjanjian ini dan dengan itu pelajar dan penjamin-penjamin hendaklah bersama-sama dan masing-masing bertanggungjawab bagi pihak diri mereka, waris-waris, wasi-wasi, penerima-penerima serahak mereka, membayar kepada Universiti apabila diminta dalam tempoh enam puluh hari (60) hari wang sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ratus Enam Puluh Ribu Sahaja (RM 160,000.00) atau semua wang yang telah dibayar kepada pelajar atau pihaknya secara gaji, elaun-elaun atau sebaliknya dan semua wang yang telah dibelanjakan atau tanggungannya telah diterima oleh Universiti secara yuran, tambang dan lain-lain bersangkutan dengan atau disebabkan oleh perjanjian ini mengikut yang mana lebih banyak.

Pihak Puan telah memohon tempoh perlanjutan untuk Pengajian tersebut dan untuk itu UMS dengan ini menuntut daripada pihak Puan untuk membayar ganti rugi sebanyak **RM xy (RINGGIT MALAYSIA :XY SAHAJA)** yang merupakan semua wang yang telah dibayar kepada Puan atau pihak Puan , elaun-elaun atau sebaliknya dan semua wang yang telah dibelanjakan atau tanggungannya telah diterima oleh Universiti secara yuran, tambang dan lain-lain bersangkutan dengan atau disebabkan oleh perjanjian tersebut sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Fasal 8(iv) Perjanjian tersebut.

SILA AMBIL PERHATIAN bahawa pihak UMS dengan ini menuntut daripada Puan sebagai Penerima Biasiswa untuk membayar gantirugi sebanyak **RMxy (Ringgit Malaysia : xy) sahaja** kepada UMS **dalam masa enam puluh (60) hari** dari tarikh Notis Tuntutan. Bayaran penuh hendaklah dibuat samada melalui cek/wang pos/bank deraf atas nama ”**BENDAHARI UMS**” dan dialamatkan seperti di bawah :-

TIMBALAN PENDAFTAR
BAHAGIAN PERUNDANGAN DAN TATATERTIB
Bangunan Canselori, Blok Selatan
Universiti Malaysia Sabah
88999 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia

Dan/atau sebagai alternatif dan tanpa prejudis kepada hak UMS untuk membuat tuntutan penuh kepada ganti rugi sepertimana yang dituntut, Puan juga diberi pilihan untuk pembayaran balik gantirugi melalui **pemotongan gaji** dengan mengisi, melengkapkan dan mengembalikan BORANG PERSETUJUAN KAKITANGAN UNTUK PEMOTONGAN GAJI kepada Bendahari yang disertakan bersama-sama di sini. Di mana bayaran pendahuluan (*upfront payment*) 10% dari jumlah gantirugi sebanyak **RMyz(Ringgit Malaysia : yz) sahaja** hendaklah dibayar kepada Bendahari semasa BORANG PERSETUJUAN KAKITANGAN UNTUK PEMOTONGAN diserahkan kepada Bendahari dalam tempoh masa ENAM PULUH (60) hari dari tarikh Notis Tuntutan ini di mana pemotongan gaji sebanyak **RM xxx sebulan selama 144 bulan (12 tahun)**akan dimulakan sebulan selepas daripada penerimaan pembayaran pendahuluan tersebut.

Harap malum bahawa kuantum, jumlah dan tempoh pemotongan gaji ini adalah muktamad dan tidak boleh dirayu.

AMBIL PERHATIAN bahawa UMS tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap Puan sekiranya pihak Puan gagal, ingkar dan/atau cuai untuk membayar jumlah yang dituntut dalam tempoh masa yang dinyatakan di atas tanpa rujukan selanjutnya lagi kepada pihak Puan di Mahkamah di mana Puan akan dijadikan bertanggungan untuk membayar kos guaman, faedah dan perbelanjaan yang akan ditanggung oleh UMS dalam mengambil tindakan perundangan tersebut kelak.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

t.t.

YENNEY FADZLYENA BINTI AHMAD SHAH
Penolong Pendaftar
Bagi Pihak Pendaftar

s.k.	(1)	Naib Canselor UMS
	(2)	Pendaftar, UMS

LAMPIRAN 13

(BORANG PERSETUJUAN KAKITANGAN UNTUK PEMOTONGAN GAJI)

BORANG PERSETUJUAN KAKITANGAN

UNTUK PEMOTONGAN GAJI

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Bendahari
Universiti Malaysia Sabah
Kota Kinabalu, Sabah Tarikh :

Tuan/Puan,

PEMOTONGAN GAJI BULANAN BAGI TUJUAN BAYARAN BALIK TUNTUTAN GANTIRUGI KERANA MELANGGAR PERJANJIAN HADIAH/LATIHAN BIASISWA

Saya ..... UMS (PER) ..... dengan ini membayar sejumlah RM ..... yang merupakan bayaran pendahuluan (*upfront payment*) untuk jumlah tuntutan sebanyak RM ..... yang telah dituntut terhadap saya.

Saya dengan ini membenarkan gaji saya dipotong sebanyak RM ..... sebulan mulai bulan ..... 2010 selama ..... bulan (..... tahun) bagi tujuan PEMBAYARAN BALIK TUNTUTAN GANTIRUGI KEPADA PIHAK UNIVERSITI.

Sekian, terima kasih.

fYang benar,

.....
NAMA :
UMS (PER) :
NO.K/P :

NOTA : Sila pastikan borang persetujuan asal yang telah ditandatangan dikemukakan kepada pihak Bendahari (untuk tujuan pemotongan gaji) dan satu salinan dikemukakan kepada Bahagian Perundangan dan Tatatertib dan Bahagian Sumber Manusia (untuk tujuan pemantauan tindakan).

LAMPIRAN 14

(SENARAI KAKITANGAN UMS CUTI BELAJAR YANG TIDAK MELAPOR DIRI TETAPI BELUM TAMAT PENGAJIAN)